

HEBECAVIR FILM COATED TABLET

Entecavir Monohydrate (0.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*
2. Bagaimana *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*
4. Cara menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*
5. Semasa menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*

HEBECAVIR FILM COATED TABLET digunakan untuk rawatan jangkitan jangka panjang (kronik) virus hepatitis B di kalangan orang dewasa dengan bukti replikasi virus aktif.

Bagaimana *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* berfungsi

HEBECAVIR FILM COATED TABLET mengandungi bahan aktif, Entecavir yang mempunyai aktiviti yang kuat untuk melawan virus hepatitis B (HBV). Dengan ini, *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* membantu mengurangkan bilangan virus hepatitis B dalam badan anda.

Sebelum menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* jika:

- Anda alah kepada Entecavir atau mana-mana bahan lain dalam *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*.
- Anda ialah pesakit HIV / HBV tetapi tidak menerima terapi antiretroviral yang sangat aktif (HAART).

Jangan ambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat. *HEBECAVIR FILM*

COATED TABLET tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

-Sebelum menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*

Memaklumkan dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda pernah menerima pemindahan hati
- hati anda tidak berfungsi dengan baik
- anda mempunyai sebarang alahan atau masalah kesihatan yang lain

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Doktor atau ahli farmasi anda akan memberi nasihat sama ada anda boleh mengambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* bersama dengan ubat yang lain.

Cara menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*

-Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini betul-betul seperti doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai berdasarkan keadaan anda.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* perlu diambil semasa perut kosong melainkan jika dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini

perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* dengan makanan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Jangan menyusukan anak jika anda mengambil *HEBECAVIR FILM COATED TABLET*.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Terapi dengan *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* tidak terbukti untuk mengurangkan risiko jangkitan virus hepatitis B. Oleh itu, langkah-langkah pencegahan jangkitan yang sesuai masih perlu diambil.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *HEBECAVIR FILM COATED TABLET* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah beberapa kesan-kesan sampingan yang direkodkan dan dilaporkan:

- masalah susah tidur
- sakit kepala
- pening
- rasa mengantuk yang terlampau
- loya
- cirit-birit
- senak
- muntah
- keletihan
- keradangan hati semakin teruk
- hati tidak berfungsi dengan baik
- keguguran rambut
- ruam

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda

HEBECAVIR FILM COATED TABLET

Entecavir Monohydrate (0.5mg)

dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di atas atau tidak selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web <http://nptra.moh.gov.my/> (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)*).

Tarikh kemaskini RiMUP :
31/05/2024

Nombor Siri :
NPRA (R2) 19/228

Cara penyimpanan dan pelupusan **HEBECAVIR FILM COATED TABLET**

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Cara pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem putih berbentuk segi tiga, terukir dengan '5' pada satu sisi, dan 'Y' di sebelah.



-Bahan –bahan kandungan

-Bahan aktif
Entecavir

-Bahan tidak aktif
Lactose
Cellulose
Crospovidone
Polyvinylpyrrolidone
Magnesium Stearate
Polyethylene Glycol
Titanium Dioxide

-Nombor MAL

MAL20116019AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran **Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7 & 12, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.